

10 APR 1998

MTEN - mesyuarat

MTEN BINCANG DASAR KEWANGAN DAN FISKAL

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Langkah-langkah mengukuhkan asas ekonomi makro negara dibincangkan secara khusus oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang bermesyuarat hari ini.

Mesyuarat yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu juga membincangkan perlunya membentuk suatu pendekatan yang seimbang dalam mengendalikn dasar kewangan dan fiskal.

Ini bagi memastikan pembangunan sosio-ekonomi negara secara keseluruhannya tidak terlalu terjejas, menurut kenyataan Sekretariat MTEN. Semua Menteri Besar dan Ketua Menteri hadir kecuali Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang berada di luar negara.

Perbincangan juga ditumpukan kepada isu dan masalah utama ekonomi negara, seperti kelembapan pasaran mata wang dan pasaran saham minggu ini.

Mesyuarat juga dimaklumkan mengenai kemajuan yang dicapai oleh agensi-agensi dan kerajaan-kerajaan negeri dalam melaksanakan langkah yang dicadangkan pada mesyuarat pertama MTEN, dan diluluskan oleh Jemaah Menteri dalam usaha menangani masalah ekonomi dan sosial, kesan daripada krisis mata wang.

Menurut kenyataan itu, majlis juga telah membincangkan pandangan Exco MTEN daripada mesyuarat pertamanya pada 13 Mac lepas dan mesyuarat keduanya pagi ini.

Antara pandangan itu ialah langkah bagi mengekalkan kepercayaan orang ramai dan pelabur terhadap Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan pasaran modal di Malaysia.

Langkah mengelakkan kesan negatif kejatuhan nilai Ringgit ke atas komoditi utama, industri berasaskan komoditi dan langkah bagi mengurangkan kesan krisis yang menular kepada sektor hartanah turut dicadangkan.

Majlis juga telah membincangkan strategi yang sesuai bagi menangani masalah dalam industri automobil, pembinaan dan masalah kenaikan harga.

Menurut kenyataan itu, pandangan MTEN mengenai perkara-perkara itu akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan.

--BERNAMA

AZZ RI